

Cabaran pengajaran kursus mantik di Institut Pengajian Tinggi

[Challenges of teaching logic in Institute of Higher Education]

Nazneen Ismail*, Nurhanisah Senin, & Sahlawati Abu Bakar

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

* Corresponding Author: Dr. Nazneen binti Ismail. Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Selangor, Malaysia. E-Mail: nazneen@kuis.edu.my. Telp.: (+60) 19-2360477. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0003-2179-2783>.

Keywords:

Logic; Teaching challenges; Students' ability; Online learning; Teaching strategies.

ABSTRACT

Logic (Mantiq) began to appear and has developed in Islamic society through the translation of Greek works into Arabic. This discipline which was considered as the basis of philosophy was also used by Islamic scholars in developing knowledge. Today, logic is offered as one of the courses for Usuluddin studies in the Institute of Higher Education (IHE). Based on previous studies, it was found that the students were still unable to understand and master this field of knowledge. Although some of them understand the theory, but their level of mastery needs to be improved. Thus, this study aims to identify the challenges faced by lecturers in the process of teaching and learning logic. In this study, the researcher used a qualitative approach by presenting a case study as a research design. Purposive sampling was used involving the university lecturers who teach Logic located in the Klang Valley. Data was obtained through semi-structured interviews and then analyzed using a thematic approach (thematic analysis). The results of the study show that the challenges faced by lecturers in teaching logic are more focused on the theoretical nature and difficulty to understand them. At the same time, lecturers need to be creative in presenting examples and addressing the issue of students' limitations in understanding the relationship between logic and other sciences. This study also identified the need to diversify teaching methods among lecturers such as a blended learning approach as an effort to attract and encourage students to master the subject.

Kata Kunci:

Mantik; Cabaran pengajaran; Keupayaan pelajar; Pembelajaran atas talian; Strategi pengajaran.

ABSTRAK

Ilmu mantik mula bertapak dan telah berkembang dalam masyarakat umat Islam melalui penterjemahan karya-karya Yunani ke dalam bahasa Arab. Ilmu yang menjadi asas kepada ilmu falsafah ini turut dimanfaatkan oleh para ilmuwan Islam dalam mengembangkan disiplin ilmu. Hari ini, ilmu mantik ditawarkan sebagai salah satu kursus bagi pengajian Usuluddin di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Berdasarkan kajian lepas, para pelajar didapati masih lemah dalam memahami dan menguasai bidang ilmu ini. Meskipun sebahagian mereka memahami teorinya tetapi tahap keupayaan untuk mengaplikasikannya masih perlu diperkasa. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran para pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran mantik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Reka bentuk kajian yang dipilih ialah kajian kes. Pensampelan kajian dilakukan secara

bertujuan melibatkan para pensyarah mantik di universiti sekitar Lembah Klang. Data kajian diperolehi melalui temubual separa berstruktur dan kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan bertema (*thematic analysis*). Hasil kajian menunjukkan bahawa cabaran para pensyarah dalam pengajaran mantik ialah sifatnya yang teoritikal dan sukar difahami, keperluan kepada kreativiti pensyarah dalam mengemukakan contoh dan keterbatasan pelajar dalam memahami hubungan mantik dengan ilmu lain. Kajian ini juga melihat perlunya para pensyarah mantik mempelbagaikan kaedah pengajaran seperti pendekatan pembelajaran teradun sebagai langkah untuk menarik minat dan memberi peluang kepada pelajar untuk menguasai subjek ini.

Received: September 29, 2022

Accepted: December 12, 2022

Online Published: December 31, 2022

How to Cite:

Ismail, N., Senin, N., & Abu Bakar, S. (2022). Cabaran pengajaran kursus mantik di Institut Pengajian Tinggi. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(2), 994-1002. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i2.337>

1. Pendahuluan

Terdapat empat bentuk ilmu pengetahuan iaitu ilmu *hissī* (pengetahuan yang diperolehi melalui pancaindera), ilmu *khayālī* (pengetahuan imaginasi atau gambaran berdasarkan sesuatu yang ditanggapi oleh pancaindera), ilmu *wahmī* (pengetahuan yang diperolehi melalui ilusi atau intuisi) dan ilmu *'aqlī* (pengetahuan rasional). Antara kesemua ini, hanya ilmu *'aqlī* membezakan antara manusia dengan haiwan. Tetapi bagi menyempurnakan ilmu ini, ia perlu kepada peraturan yang diberi nama ilmu mantik (Nuruddin, 2019).

Kalimah mantik dari segi bahasa bermaksud berkata-kata (*kalām*). Dinamakan juga sebagai ilmu analisis kerana melalui buah fikiran yang benar dapat dihubungkan dengan kata-kata yang benar melalui penyampaian yang bernas dan jelas. Ilmu ini juga membolehkan manusia memperbetulkan pandangan dan keputusan sehingga ia dinamakan sebagai *'ilm al-mīzān* (ilmu pertimbangan). Malah, atas keutamaan ilmu ini al-Fārābī menobatkannya sebagai ketua segala ilmu. Dari segi istilah, ilmu mantik bermaksud alat atau instrumen sistematik yang memelihara akal seseorang daripada kesalahan dalam berfikir (al-Akhḍarī, 2000).

Berdasarkan sejarah, ilmu ini dipelopori oleh seorang ahli Yunani bernama Socrates ketika beliau berhadapan dengan pemikiran *Sufastā'iyūn* yang menyeleweng dan menyesatkan masyarakat. Mereka mendakwa bahawa kebenaran mutlak tidak wujud, yang ada hanya kebenaran relatif. Dakwaan ini jika dibiarkan berleluasa mengakibatkan masyarakat akan berpegang kepada perkara waham dalam berhujah. Perkaedahan mantik digunakan oleh Socrates untuk mematahkan hujah *Sufastā'iyūn* dan menzahirkan kesesatan mereka. Usaha ini kemudiannya diteruskan oleh pelajarnya, Plato dan akhirnya disusun serta dikemaskini oleh Aristotle (al-Akhḍarī, 2000). Aristotle berperanan besar dalam menyusun kaedah-kaedah mantik secara sistematik serta menyempurnakannya menjadi satu bidang ilmu (Nuruddin, 2019). Dalam konteks pemikiran metodologi ini, Aristotle dikira sebagai tokoh pemikir awal metodologi kajian ilmiah yang berjaya mempengaruhi ramai para ulama Islam (Hamat, 2000a.). Karyanya dalam bidang mantik telah diterjemah ke dalam bahasa Arab dan menjadi asas kepada perkembangan ilmu dalam masyarakat Islam (Nuruddin, 2019).

Antara tokoh yang memperjuangkan bidang ilmu ini ialah al-Ghazālī. Beliau telah memanfaatkan ilmu ini dalam mengukuhkan lagi disiplin ilmu Islam seperti ilmu kalam, fiqh dan akidah di samping menjadikan mantik sebagai senjata berguna dalam membuat penilaian terhadap falsafah Yunani. Kitab *al-Mustasfa min 'ilm al-Uṣūl* merupakan salah satu sumbangannya dalam bidang pemikiran Islam yang telah mensintesis mantik dengan perbincangan ilmu *uṣūl al-fiqh* (Hamat, 2002b.). Melalui karya ini beliau meletakkan ilmu mantik sebagai muqaddimah bagi semua disiplin ilmu yang berbentuk teoritikal di samping ilmu fiqh. Pernyataan ini dipersetujui oleh tokoh-tokoh mantik lain yang menyatakan bahawa ilmu mantik adalah sebuah metodologi, alat, neraca atau pengantar bagi setiap ilmu (Wahab & Hamat, 2020).

Selain al-Ghazālī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī juga merupakan salah seorang tokoh yang masyhur dalam bidang mantik. Beliau adalah tokoh pemikir Islam pertama yang tidak melihat mantik sebagai satu alat bagi

ilmu, sebagaimana yang dipegang oleh kebanyakan ahli falsafah, tetapi menanggapinya sebagai satu ilmu yang khusus. Walau bagaimanapun, beliau banyak menggunakan pendekatan kajian yang dilakukan oleh al-Ghazālī, khususnya dalam mengaplikasikan kaedah mantik dalam menghuraikan disiplin ilmu Islam. Sumbangan al-Rāzi yang besar dalam bidang pemikiran Islam sebenarnya tidak hanya dilihat dari aktiviti ilmiahnya dalam menghasilkan karya-karya mantik tulen, malah turut mengambil kira sumbangan besarnya memasukkan mantik dalam karya teologi, contohnya kitab *al-Muhaṣṣal* dan menggunakan manhaj mantik dalam karya *uṣūl al-fiqh* yang bertajuk *al-Mahṣūl* (Hamat, 2000b).

Melalui ilmu ini juga, al-Ghazali telah mengemukakan hujah dan dalil dalam mempertahankan akidah daripada serangan pemikiran asing dan menyeleweng. Atas asas hubungan langsung ilmu ini dengan akidah, maka, ia telah dijadikan salah satu subjek bagi pengajian Usuluddin. Namun, para pelajar didapati masih lagi lemah dalam memahami dan menguasai bidang ilmu ini. Meskipun sebahagian mereka memahami teori dalam ilmu mantik tetapi tahap keupayaan untuk mengaplikasikannya masih perlu diperkasa (Wahab, Azmi, Musa, & Shuhari 2018). Antara faktornya ialah kekurangan bahan rujukan dalam bahasa Melayu, sikap pelajar yang kurang berminat dengan mantik, pendekatan pensyarah yang kurang menarik minat dan seumpamanya (Wahab et al., 2018). Sedangkan ilmu ini sangat kritikal terutama dalam berhadapan dengan serangan pemikiran pada hari ini. Azhar dan Abdul Rahim (2010), berpandangan pusat-pusat pengajian tinggi yang terlibat dengan pengajian Islam di Malaysia agak ketinggalan dalam merealisasikan pengajaran dan pembelajaran berbanding dengan pengajian lain kerana masih mengikut cara pendidikan tradisional. Implikasi negatif daripada fenomena ini ialah melahirkan pemimpin yang lemah, berfikiran sempit, hanya tahu menghafaz tetapi tidak pandai berfikir. Kesenambungan itu juga, sarjana yang bakal dilahirkan hanya akan bersifat pasif menerima pandangan tanpa bersikap kritikal, suka bertaqlid dan tidak mampu berjihad serta tidak kreatif tanpa mempunyai daya reka dan daya cipta. Walaupun begitu, penelitian Ibrahim, Abdul Majid, Awang, Abdul Kadir dan Mohd Othman (2013), menunjukkan bahawa silibus Pengajian Islam yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Tinggi (IPT) bersifat kompetitif dan berupaya berhadapan dengan serangan pemikiran seperti Islam Liberal. Berdasarkan kajian lepas ini, boleh disimpulkan bahawa silibus yang baik dan komprehensif tidak memadai jika tidak disertakan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang semasa dan realistik. Tambahan pula, ilmu mantik yang menekankan kaedah dan tatacara berfikir perlu disampaikan kepada para pelajar sehingga mereka terdorong untuk berfikir secara aktif dan kritis (Hassan & Alias, 2017).

Justeru, dalam usaha menambah baik pendekatan sedia ada dan menyelesaikan masalah daripada akarnya kajian berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan satu keperluan. Pelbagai aspek boleh diteliti seperti silibus (Hamat, 2006), strategi pengajaran (Abdullah, Roslan, & Sulaiman, 2011), keperluan penawaran kursus (Jamaluddin, Abdul Rahman, Mohd Noor, & Kadir, 2017), halatuju kurikulum (Mohamad Yusak & Abdull Samad, 2013) dan cabaran yang dihadapi (Mohd Nasir & Abdul Rahim, t.th.). Bagi kajian ini, tumpuan diberikan kepada cabaran para pensyarah dalam sesi pengajaran mantik di IPT bagi mengenal pasti punca dan kelompongan supaya kaedah pengajaran mantik boleh ditambah baik pada masa akan datang.

2. Tinjauan Literatur

Amalan pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu perkara yang harus dititikberatkan dengan sentiasa menyemak kembali silibus yang diajarkan dan menambah baik kaedah-kaedah yang digunakan supaya dapat memberi kesan yang baik kepada pelajar. Berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan mantik, para pengkaji didapati memberi perhatian kepada permasalahan berkaitan pengajaran mantik terhadap para pelajar. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Wahab et al. (2018) dengan tajuk *Tahap Pemahaman dan Pengamalan Ilmu Mantik dalam Kalangan Mahasiswa UniSZA*. Kajian ini membincangkan cabaran mahasiswa dalam memahami dan mengaplikasikan ilmu mantik untuk kehidupan. Kajian yang melibatkan 124 orang responden dalam kalangan mahasiswa Usuluddin UniSZA ini mendapati tahap pemahaman pelajar terhadap ilmu mantik adalah tinggi manakala tahap pengamalannya rendah.

Perhatian yang diberikan oleh para pengkaji ini merupakan kesinambungan daripada kesedaran terhadap kepentingan ilmu mantik dalam Islam. Perkara ini telah dibincangkan oleh Hamat (1996) dalam penulisannya bertajuk *Pengaruh Mantik Terhadap Pemikiran Islam*. Dapatan kajian menunjukkan sejauh mana pengaruh mantik terhadap ilmu Islam yang lain khususnya ilmu *uṣūl fiqh* dan ilmu kalam serta terhadap para pemikir Islam sendiri. Dari satu sudut, ramai dalam kalangan para pemikir Islam menerima ilmu mantik sebagai satu disiplin ilmu Islam walaupun ada segelintir ulama yang menolak. Hal ini sama sekali tidak menjejaskan kedudukan ilmu mantik sebagai ilmu yang perlu dipelajari kerana hubungannya dengan ilmu Islam lain.

Perincian berkaitan polemik dalam masyarakat Islam sekitar penerimaan ilmu mantik telah dihuraikan oleh Wahab dan Hamat (2020) dalam penulisan bertajuk *Kedudukan Ilmu Mantik dalam Pemikiran Islam*. Berhubung penerimaan ilmu mantik, terdapat tiga pandangan iaitu golongan yang menerima ilmu mantik, golongan yang menolaknya secara total dan golongan yang menyalahgunakannya. Setiap daripada bentuk respons ini mempunyai impak tersendiri dalam menentukan kedudukan ilmu mantik. Walaubagaimana pun, perselisihan ini tetap tidak menafikan sumbangan mantik dalam ilmu fikah, ilmu akidah dan ilmu kalam seperti yang telah dibuktikan oleh al-Ghazālī.

Antara kajian yang menghuraikan pendekatan al-Ghazālī dalam menghubungkan mantik dengan ilmu *uṣūl fiqh* seperti kajian Hamat (2000b). Kajian beliau bertajuk *Penghasilan Karya Sintesis antara Mantik dan Uṣūl Al-Fiqh: Rujukan Kepada Kitab al-Mustasfa Min 'Ilm al-Uṣūl, Karangan al-Imam al-Ghazālī*. Hasil kajian menunjukkan *al-Mustasfa* merupakan sebuah karya ilmiah yang mensintesiskan secara harmonis antara mantik dan *uṣūl al-fiqh*. Penemuan ini membuktikan terdapat ruang di antara disiplin ilmu yang bersifat teoritikal boleh bertemu pada noktah yang tertentu, khususnya dalam persoalan yang tidak melibatkan prinsip-prinsip asas pegangan peradaban yang melahirkannya.

Para pengkaji juga membuktikan kepentingan mantik sebagai mukadimah ilmu seperti yang dilakukan oleh Hamat (2002) dan Abd Aziz (2012). Kedua-dua kajian ini membincangkan kedudukan mantik terutamanya dalam pengetahuan atau kebijaksanaan teori Islam dari sudut pandang al-Ghazālī berdasarkan bukunya *al-Muṣṭafā min 'Ilm al-Uṣūl*. Kajian ini diterjemahkan oleh penulis berserta anotasi dan dianalisis serta ditafsir secara objektif. Dapatan kajian menunjukkan al-Ghazālī cenderung kepada pandangan jumhur ulama yang menganggap mantik sebagai alat intelektual. Beliau juga merumuskan bahawa mantik berperanan sebagai mukadimah bagi ilmu pengetahuan serta relevan untuk digunakan dalam perbahasan ilmu-ilmu Islam yang bersifat teoritikal.

Selain al-Ghazālī, terdapat ulama selepasnya yang sealiran dengan beliau dari segi penerimaan terhadap ilmu mantik seperti Syeikh Dāwud al-Faṭānī. Usaha ulama ini ditonjolkan dalam kajian Awang (2011). Pengkaji membincangkan cara pengaplikasian dua pendekatan utama iaitu hukum akal dan mantik dalam perbahasan akidah tauhid bercorak sifat dua puluh melalui kitab *al-Durr al-Thamīn*. Dapatan kajian menunjukkan bagaimana Syeikh Dāwud al-Faṭānī menggunakan hukum akal sebagai alat dalam perbahasan sifat dua puluh mengikut pengertian wajib dan mustahil berasaskan hubungan yang perlu di antara pokok perbahasan (sifat-sifat Allah SWT) dan pendekatan yang digunakan (hukum akal) dalam rangka menjelaskannya secara rasional. Syeikh Daud juga didapati mengaplikasikan kedua-dua jenis kaedah mantik *hadd* (definisi) dan *burhān* (pendalilan). Ini bertujuan untuk memudahkan masyarakat Islam memahami akidah tauhid dengan tidak menyingkirkan pendekatan *naqlī* (al-Quran dan hadis) dalam erti memperkuatkan hujah atau dalil secara seimbang.

Hubungan antara mantik dengan kaedah penyelidikan juga ditunjukkan oleh Hassan dan Alias (2017) dalam kajian bertajuk *Strategi Penyelidikan Islam Berdasarkan Kaedah Penaakulan dalam Ilmu Mantik*. Penulisan ini membincangkan kaedah-kaedah penaakulan dalam ilmu mantik serta strategi penyelidikan Islam berdasarkan kaedah-kaedah penaakulan ilmu mantik. Terdapat tiga kaedah penaakulan dalam ilmu mantik yang boleh digunakan sebagai strategi penyelidikan Islam iaitu *istiqrā'*, *qiyās* dan *tamthīl* atau dikenali sebagai *qiyās uṣūlī*. Ketiga-tiga kaedah ini boleh membawa kepada ilmu pada tahap *yaqīn* jika diaplikasikan secara mendalam.

Tinjauan turut dilakukan terhadap kajian lepas yang berkaitan dengan peranan IPT dalam sistem pendidikan. Antaranya kajian Hamat (2006) bertajuk *Pengajian Akidah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia: Analisis Terhadap Silibus Pengajian di UM dan UKM*. Kajian ini membincangkan silibus pengajian akidah yang terdapat dalam kurikulum pengajian tinggi di universiti-universiti awam Malaysia yang menawarkan pengajian dalam bidang tersebut. Pengkaji telah membandingkan silibus pengajian akidah di peringkat Ijazah Pertama yang ditawarkan oleh dua buah universiti awam terpilih iaitu Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dapatan menunjukkan silibus dari segi teori yang diajarkan di UM dan UKM adalah menepati matlamat tujuan utama pengajian akidah, namun dari aspek praktikal atau aplikasi akidah dalam kehidupan perlu dimantapkan lagi.

Melihat kepada keperluan pelajar aliran agama berinteraksi dalam masyarakat secara relevan, Azhar dan Abdul Rahim (2010) menjalankan kajian yang menilai elemen pemikiran saintifik dalam pengajian syariah melalui kajian bertajuk *Aplikasi Elemen Pemikiran Saintifik dalam Pengajian Syariah*. Kajian ini menegaskan keperluan elemen pemikiran saintifik digunakan dalam pengajian Syariah supaya dapat memenuhi keperluan semasa sesuai dengan perkembangan pengetahuan dan teknologi. Penelitian terhadap metodologi dan pedagogi yang diajarkan dalam bidang pengajian Syariah telah dilakukan dan pengkaji menjelaskan kepentingan elemen pemikiran saintifik diaplikasikan dalam pengajian tersebut. Tujuannya untuk melahirkan pelajar yang berfikir terbuka, rasional, berhati-hati dan objektif dengan memberikan mereka kekuatan formula dan analisis untuk meningkatkan kemampuan ijtihad.

Selain daripada kekuatan pemikiran, pembentukan keperibadian pelajar turut diberikan perhatian. Kajian Md Noor et al. (2014) membincangkan cara untuk menjadikan pelajar pengajian Islam sebagai modal insan yang kompeten dan bertanggungjawab bagi keperluan pasaran. Sehubungan itu, usaha yang dilakukan oleh IPT dalam memantapkan sistem kurikulum dengan melakukan transformasi seperti membuat rombakan struktur subjek serta perubahan dalam pedagogi dilihat memberi impak yang besar. Kajian ini mendapati tugas untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran serta mempunyai jati diri yang kukuh adalah sewajarnya dipikul oleh pihak IPT.

Berdasarkan kajian literatur yang lepas, didapati bahawa kajian lebih tertumpu kepada penguasaan ilmu mantik, kedudukan ilmu mantik, hubungan ilmu mantik dengan ilmu lain serta kajian terhadap karya yang dikarang oleh pemikir-pemikir Islam. Ringkasan tema literatur seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tema kajian lepas

Tema	Literatur
Penguasaan ilmu mantik dalam kalangan pelajar	Wahab et al. (2018); Hamat (2006)
Kedudukan ilmu mantik	Hamat (1996); Wahab dan Hamat (2020); Hamat (2002) dan Abd Aziz (2012)
Hubungan ilmu mantik dengan ilmu lain	Awang (2011); Hassan dan Alias (2017); Azhar dan Abdul Rahim (2010)
Karya mantik	Hamat (2000b)

Sumber: Tinjauan literatur

Pengkaji mendapati bahawa kajian terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran terhadap ilmu mantik belum diketengahkan lagi. Walaupun ada kajian terhadap ilmu mantik, namun fokus kajian ini lebih kepada kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji cabaran para pensyarah mantik dalam menjalankan sesi pengajaran. Ini kerana keberkesanan pengajaran merupakan salah satu penyumbang besar kepada kefahaman pelajar terhadap ilmu yang dipelajari.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan rekabentuk kajian kes. Tujuan kajian kes dipilih untuk menjelaskan subjek kajian dan bukan untuk dijadikan sebagai andaian awal bagi subjek yang tidak dikaji. Dapatan kajian juga terhad berdasarkan definisi subjek terhadap situasi yang dilalui semata-mata (Katz, 2001). Pemilihan sampel dilakukan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Penentuan lokasi dilakukan atas dua faktor utama iaitu kos dan kemudahan. Berdasarkan kaedah pensampelan dan faktor lokasi, tiga buah IPTA yang menawarkan subjek mantik dikenal pasti iaitu Universiti A, Universiti B dan Universiti C.

Kaedah kutipan data yang dijalankan ialah melalui temubual separa berstruktur melibatkan tiga orang pensyarah yang mengajar mantik di ketiga-tiga buah universiti pada tahun kajian dijalankan iaitu antara 2019-2020. Namun begitu, nama dan afiliasi informan tidak dinyatakan atas faktor kerahsiaan data maklumat. Informan R1 merupakan pensyarah di Universiti A, R2 merupakan pensyarah di Universiti B dan R3 pensyarah di Universiti C. Hasil data temubual ini kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan bertema. Analisis bertema merupakan kaedah untuk meneliti perspektif peserta kajian berbeza dalam mengenal pasti tema dan kaitan pola-pola dalam sebuah fenomena melalui perbandingan antara persamaan dan perbezaan (Heriyanto, 2018). Tema yang dikeluarkan oleh para penyelidik kemudiannya disemak oleh seorang pakar yang berpengalaman lebih lima tahun sebagai tenaga pengajar mantik dan dua orang pakar dalam pendidikan bagi memastikan semua kutipan data selari dengan objektif kajian.

4. Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan temubual dengan peserta kajian, beberapa cabaran pengajaran telah dikenal pasti iaitu kesukaran subjek mantik, kreativiti dalam mengemukakan contoh serta keterbatasan pelajar dalam mengaitkan mantik dengan disiplin ilmu lain. Berdasarkan temubual, para pensyarah menyedari bahawa ilmu mantik merupakan bidang yang sukar untuk dikuasai oleh para pelajar mereka. Ini kerana perbincangan ilmu mantik cenderung kepada teori yang perlu dikuasai oleh para pelajar supaya dapat mengaplikasikannya dalam disiplin ilmu lain. Kesannya, para pelajar tidak mengambil berat akan ilmu ini kerana tidak berjaya melihat kepentingannya sebagai asas kepada ilmu-ilmu lain. Perkara ini dinyatakan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Cabaran dari aspek kesukaran ilmu mantik

Isu	Huraian	Informan
Cabaran kerana ilmu mantik bersifat teoritik. Cabaran dari segi sifat ilmu mantik untuk berhujah.	Pasal teori dia susah. Aplikasi nya tak apa. Mantik ini tidaklah susah, dia macam matematik tapi kena practice. Teori dia complicated juga Dia lebih pada hujah. Jadi kita belajar usuluddin ni banyak pada hujah lecturer-lecturer lain pun semua ajar hujah je kita ajar konsep kalam itu hujah, jadi kalam itu adalah macam mana nak guna mantik sebagai hujah lah, logical conclusion.. we want to argue for logical conclusion.	R1
Cabaran dari segi pelajar yang tidak nampak kepentingan mantik	Akhirnya pelajar ni pun rasa belajar mantik kenapa rasa macam tak perlu, tak payah belajar pun tak apa sebab dia tak nampak penggunaan dia (mantik)	R2
Cabaran dari segi perlu masa yang lama untuk mengajar satu tajuk.	Kalau kita banyak mengajar mantik kita banyak kenalkan istilah. Daripada awalnya nak kenal dilalah, dilalah tu pun dah ambil masa lama sedangkan dilalah tu yang penting adalah dilalah lafziah wadiyah tu, kemudian masuk al-faz pun begitu juga kita ambil masa yang lama.	R2

Sumber: Temu bual informan (2021)

Bagi para pensyarah cabaran ini bukan satu alasan untuk meringankan pelajar dengan bermudah-mudah dalam penyampaian dan pengajaran. Sebaliknya, para pensyarah berusaha untuk menyampaikannya sebaik mungkin kepada para pelajar bagi memastikan mereka memahami kepentingan mantik dalam pengajian Islam secara khusus dan kehidupan secara umum. Ilmu ini tidak dapat dikesampingkan kerana hubungannya dengan akal manusia. Melalui mantik, pelajar dilatih untuk membentuk struktur hujah untuk berfikir dengan benar dan lebih jelas supaya mereka terbiasa untuk mengamalkan gaya fikir kritis dan kreatif yang sangat diperlukan dalam berhadapan dengan cabaran ideologi semasa (Ismail & Mohd Azhar, 2021).

Atas kesedaran ini, para pensyarah mendapati kaedah yang paling berkesan dalam memudahkan pelajar memahami mantik ialah melalui penggunaan contoh. Ini dilakukan dengan memberi tumpuan kepada aspek aplikasi mantik bagi memastikan para pelajar berupaya untuk menganalisis isu semasa menggunakan kaedah mantik yang dipelajari dalam kelas. Kaedah pengulangan diterapkan dengan menggunakan pelbagai contoh bagi memberi panduan kepada pelajar untuk mengaplikasikan mantik. Walaupun begitu, ini turut menjadi cabaran bagi para pensyarah kerana kaedah ini memerlukan kreativiti mereka masing-masing. Perkara ini dinyatakan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Cabaran dari aspek kreativiti dalam mengemukakan contoh

Isu	Huraian	Informan
Cabaran mengemukakan contoh bagi setiap kaedah mantik	Susah nak tunjuk contoh	R1
Cabaran untuk pelajar analisis contoh yang diberikan oleh pensyarah	saya yang buat contoh, bukan dia (pelajar) yang buat contoh. Pelajar bagi jawapan macam mana nak dapat jawapan. Ok, boleh lah but it's not as effective and its very time consuming,	R1
Cabaran kepada pelajar untuk mengemukakan contoh yang sesuai	Pelajar tu akan buat contoh sendiri dan kita boleh betulkan	R2
Cabaran dari segi pelajar mengemukakan contoh berdasarkan isu semasa	kita akan bawa contoh banyak, kemudian bila dah masuk kulliyah al-khams, kita minta dia dapat susun kulliyah al-khams dalam setiap benda	R2

Sumber: Temu bual informan (2021)

Selain daripada contoh yang dibawakan oleh para pensyarah, para pelajar juga ditugaskan untuk mengemukakan contoh berdasarkan isu-isu semasa yang sesuai dengan kaedah mantik. Contoh-contoh ini dibentangkan dan dibincangkan dalam sesi tutorial dalam kelas bersama dengan pensyarah serta rakan sekelas. Tanpa contoh, subjek mantik yang bersifat teori ini akan menjadi lebih sukar kepada para pelajar walaupun pada hakikatnya ilmu ini merupakan wasilah kepada ilmu-ilmu lain termasuk disiplin pengajian Islam.

Interaksi antara pelajar dan pensyarah ini sangat penting kerana kaedah ini memudahkan tahap penguasaan pelajar dapat dikesan. Kesalahan pelajar juga dapat ditegur secara lebih sistematik dan berkesan kerana pensyarah dapat mendengar dengan lebih jelas (Ashraf, Khazri, & Nurul Huda, 2020) dan pelajar juga dapat menyampaikan jawapan mereka dengan lebih tepat. Kaedah interaktif ini selari dengan keperluan pendidikan sekarang yang lebih bercirikan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar. Pelajar mendemonstrasi kebolehan mereka dan menerima maklum balas daripada pensyarah melalui pentaksiran sahih (Hussin, Amran, Abdul Rahman, Ismail, & Zakaria 2021). Contoh yang dikemukakan juga akan dibincangkan dengan pensyarah dan pelajar perlu mempertahankan jawapan mereka berdasarkan hujah. Soalan-soalan yang dilontarkan oleh pensyarah akan mendorong pelajar untuk membina konstruk dalam mempelajari sesuatu. Kaedah berdialog dan

soal jawab ini merupakan kaedah sokratik yang boleh merangsang kemahiran berfikir pelajar. Sesi dialog tidak sahaja berlangsung antara guru dengan pelajar, tetapi turut dijalankan sesama pelajar. Sebahagian mereka akan bertanyakan soalan kepada pembentang untuk mendorong para pembentang untuk berfikir secara kritis. Tujuan akhirnya ialah untuk mencapai persefahaman dan persetujuan daripada semua pihak tentang sesuatu pendapat (Md. Suhadi, Mohammed, Mohd. Zaid, Abdullah, & Aris, 2014).

Selain daripada cabaran dalam mengemukakan contoh yang pelbagai, para pensyarah bersetuju bahawa keterbatasan para pelajar dalam memahami kaitan mantik dengan disiplin ilmu lain juga merupakan cabaran dalam PdP mantik di universiti. Sedangkan dari segi sejarah, telah terbukti bagaimana ilmu mantik mencorakkan pemikiran dan membangunkan perbahasan dalam semua bidang ilmu sama ada pengajian Islam, sains tabii, sains sosial, matematik dan selainnya (Wahab & Hamat, 2020; Ismail, 2015). Perkara ini ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Cabaran dari segi keterbatasan pelajar dalam mengaitkan mantik dengan disiplin ilmu lain

Isu	Huraian	Informan
Cabaran pensyarah untuk menunjukkan kaitan.	Kita kena tunjukkan bahawa mantik boleh digunakan untuk membantu memahami karya-karya akidah, ilmu kalam dan <i>usul al-fiqh</i> .	R3
Cabaran pelajar tidak faham kepentingan mantik.	Pelajar tak nampak guna mantik ni, sedangkan mantik diperlukan dalam ilmu akidah, dalam ilmu <i>usul al-fiqh</i> .	R3
Cabaran pelajar hanya faham mantik untuk lulus peperiksaan.	pelajar tu boleh belajar mantik dan boleh faham dan boleh dapat A tetapi nanti dia tak boleh nak mengajar balik sebab dia hanya mempelajari konsep sahaja dia tidak pelajar teori daripada awal.	R2

Sumber: Temu bual informan (2021)

Tambahan pula, apabila kursus falsafah diperkenalkan di IPTA maka menjadi kewajipan bagi para pelajar menguasai ilmu mantik terlebih dahulu supaya mereka boleh memahami perbincangan falsafah dengan lebih baik (R3, 2021). Selain itu, ilmu mantik ini juga penting kerana memudahkan pelajar memahami karya ulama silam yang banyak mengaplikasikan mantik dalam penghujahan mereka. Antara contoh aplikasi mantik dalam al-Quran ialah kisah Nabi Ibrahim AS ketika mempersoalkan bintang sebagai Tuhan dengan menggunakan kaedah silogisme (*qiyās*). Baginda mengemukakan natijah setelah membentangkan dua premis yang jelas sebelumnya. Selain itu, mantik juga ditunjukkan penggunaannya oleh al-Ghazali melalui aplikasi *istiqrā' nāqis* dan *qiyās tamthīl* dalam fiqh yang boleh mencapai darjat *zann* dari sudut keabsahannya serta layak untuk diterima. Tokoh ini juga bukan berseorangan dalam penggunaan mantik bagi tujuan pendalilan. Imam Syafii juga telah menggunakan kaedah *istiqrā'* dalam hal penentuan tempoh haid wanita (Ismail & Mohd Azhar, 2021).

Secara keseluruhannya, citra ilmu mantik yang bersifat teoritikal dan abstrak menjadikan pengajaran dan pembelajaran suatu cabaran yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar. Namun ia tidak menjadi penghalang kepada pelajar untuk menguasai ilmu tersebut kerana ilmu mantik yang bersifat universal seharusnya dijadikan asas dalam kaedah berfikir serta menjadi dasar dalam ilmu-ilmu berkaitan. Justeru, kepelbagaian dalam teknik pengajaran perlu diusahakan supaya ilmu mantik dapat lebih difahami secara mendasar dan dapat dikaitkan dengan disiplin ilmu yang lain serta kehidupan seharian.

5. Implikasi dan Cadangan Kajian

Dapatan kajian ini secara tidak langsung telah mengemukakan rumusan kepada punca ilmu mantik kurang diminati para pelajar di mana ia turut berkait dengan kecenderungan pelajar untuk memilih jurusan usuluddin di universiti. Maka, antara cadangan yang boleh dikemukakan kepada para pensyarah mantik ialah usaha mempelbagaikan kaedah penyampaian sama ada secara dalam kelas mahupun secara atas talian melalui penggunaan kaedah pembelajaran teradun (*blended learning*) seperti yang diaplikasikan dalam program tahfiz di UNITEN. Aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) digunakan sebagai pelengkap atau pengukuh kepada kaedah pengajaran secara bersemuka. Pendekatan ini diperlukan bagi memastikan pelajar Pengajian Islam kekal relevan dengan kehendak pembelajaran semasa (Mohamad Shokri, Salihan, & Abd Hamid 2021).

Pelajar juga boleh dilibatkan dalam penggunaan mantik melalui simulasi, latihan berterusan, pendekatan pembelajaran secara penyelesaian masalah dan perkongsian idea. Untuk mencapai ini, pensyarah perlu mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang ilmu lain supaya mantik dapat dibuktikan sebagai jambatan yang menghubungkan antara bidang-bidang ilmu tersebut. Selain itu, fenomena atau isu semasa yang berlegar dalam masyarakat juga boleh dimanfaatkan sebagai sampel atau subjek kajian dalam pengajaran mantik. Usaha ini boleh digiatkan lagi dengan pemilihan silibus yang tidak hanya terikat kepada contoh-contoh

- Hamat, M. F. (2006). Pengajian akidah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia: Analisis terhadap silibus pengajian di UM dan UKM. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 7(1), 157-196. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/afkar/article/view/13311>.
- Hassan, S. A., & Alias, M. S. (2017). Strategi penyelidikan Islam berdasarkan kaedah penaakulan dalam ilmu mantik. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 1(2), 19-25. Diperolehi daripada <https://journal.unisza.edu.my/mjis/index.php/mjis/article/view/19>.
- Heriyanto. (2018). Thematic analysis sebagai metode menganalisa data untuk penelitian kualitatif. *ANUVA*, 2(3), 317-324. <https://doi.org/10.14710/anuva.2.3.317-324>.
- Hussin, H., Amran, N. N., Abdul Rahman, N. F., Ismail, A., & Zakaria, Z. (2021). Amalan pentaksiran alternatif dalam program pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19. *Islamiyyat*, 43(1), 3-14. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-4301-01>.
- Ibrahim, M., Abdul Majid, L., Awang, J., Abdul Kadir, M. N., & Mohd Othman, F. (2013). Pengajian Islam di IPT Malaysia dalam menangani Islam liberal. *Jurnal Hadhari*, 5(1), 37-53. <http://journalarticle.ukm.my/6569/1/makalah03.pdf>.
- Ismail, K., & Mohd Azhar, M. H. (2021). Falsafah logik Aristotle: Implikasi, reaksi dan interaksi terhadapnya dalam dunia keintelektualan Islam. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 32(1), 93-124. <https://doi.org/10.51200/manu.v32i1.2896>.
- Ismail, M. R. (2015). *Mantik dan etnomantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamaluddin, N. A, Abdul Rahman, R. F., Mohd Noor, S. S., & Kadir, M. N. (2017). Peranan IPTA dan IPTS dalam menerapkan pendidikan al-Quran di dalam kurikulum sebagai kursus teras bagi semua pelajar Islam di Malaysia: Kajian awal di beberapa buah IPT di Malaysia. Dlm. M. P. Ibrahim et al. (Pnyt.), *Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017)* (hlm. 1129-1143). Diperolehi daripada https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/20249/2/PRO_NOR%20ASHIQUEEN%20JAMALUDDIN%20M%2017.pdf.
- Katz, J. (2001). Analytic induction. Dlm. N. J. Smelser & P. B. Baltes (Pnyt.), *International Encyclopedia of the Social and Behavioral Sciences*. Oxford, UK: Pergamon Press. <https://doi.org/10.1016/B0-08-043076-7/00774-9>.
- Md Noor, R., Abd Rahim, R. A., Abd Majid, M. K., Ali, A. K., Abdul Kadir, N. A., Syed Jaafar, S. M. J., & Yusoff, N. (2014). Peranan Institut Pengajian Tinggi Islam dalam pembangunan modal insan di Malaysia: Satu analisis. *Jurnal Kemanusiaan*, 22, 1-20. <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/66/62>.
- Md. Suhadi, S., Mohammed, H., Mohd. Zaid, N., Abdullah, Z., & Aris, B. (2014). Penguasaan pelajar dalam kemahiran berfikir aras tinggi dengan pembelajaran kaedah sokratik. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014*, 11-13 Ogos. Diperolehi daripada https://www.researchgate.net/publication/274701598_PENGUASAAN_PELAJAR_DALAM_KEMAHIRAN_BERFIKIR_ARAS_TINGGI_DENGAN_PEMBELAJARAN_KAEDAH_SOKRATIK.
- Mohamad Shokri, S. S., Salihan, S., & Abd Hamid, M. H. (2021). Inovasi digital dalam pengajaran & pembelajaran program Tahfiz di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 495-507. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.137>.
- Mohamad Yusak, Y. & Abdull Samad, Z. H. (2013). Halatuju kurikulum pendidikan Islam di Politeknik Malaysia: Satu dapatan awal. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)* (hlm. 166-172). Diperolehi daripada <https://humanities.utm.my/education/wp-content/uploads/sites/6/2013/11/231.pdf>.
- Mohd Nasir, B. & Abdul Rahim, R. A. (t.th.). *Pengajian Islam di peringkat rendah, menengah, pondok dan IPT: Isu, cabaran dan penyelesaian*. Diperolehi daripada https://www.academia.edu/24056622/PENGAJIAN_ISLAM_DI_PERINGKAT_RENDAH_MENENGAH_PONDOK_DAN_IPT_ISU_CABARAN_DAN_PNYELESAIAN.
- Nuruddin, M. (2019). *Ilmu mantik*. Jawa Barat, Indonesia: Keira Publishing.
- Wahab, M. R. & Hamat, M. F. (2020). Kedudukan ilmu mantik dalam pemikiran Islam. *Jurnal Afkar*, 22(2), 1-42. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol22no2.1>.
- Wahab, M. R., Azmi, M. F., Musa, R., & Shuhari, M. H. (2018). Tahap kefahaman dan pengamalan ilmu mantik dalam kalangan mahasiswa UniSZA. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 18(1), 170-180. <https://doi.org/10.37231/jimk.2018.18.1.318>.